

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
(PASIR GUDANG)**

TARIKH : 5 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan membentangkan di Parlimen Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) untuk dipinda atau dimansuhkan memandangkan terdapat dua (2) Kes Mahkamah Tinggi yang hakim hakim membuat dua (2) keputusan berbeza dalam soal kebenaran tertuduh untuk diikat jamin.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan berpandangan bahawa Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) [Security Offences (Special Measures) Act, SOSMA] 2012 masih relevan dan penting bagi memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara. Polis Diraja Malaysia (PDRM) masih memerlukan undang-undang sedemikian bagi membanteras dan membendung ancaman-ancaman keselamatan seperti pengganas dan juga sindiket jenayah terancang.

Kerajaan berpendirian Seksyen 13 SOSMA adalah selaras dengan Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan.